

03/09/1999

Punca remaja paling ramai hidap HIV/Aids

KUALA LUMPUR, Khamis - Sikap remaja yang suka mengambil risiko tanpa memikirkan bahaya adalah antara punca utama menyebabkan golongan itu kini paling ramai menghidapi HIV/Aids.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, berkata ramai generasi muda menagih dadah dan melakukan seks rambang walaupun mengetahui bahaya yang akan dihadapi.

Ini, katanya, menyebabkan golongan muda iaitu yang berusia di antara 18 tahun dan 30 tahun, dikenal pasti sebagai golongan paling ramai dijangkiti penyakit berbahaya itu.

Keadaan itu, kata beliau, turut disebabkan kurangnya pengetahuan mengenai penyakit berkenaan berikutan maklumat tidak dapat di sampaikan secara berkesan kepada mereka.

"Kebanyakan program dirangka oleh golongan dewasa dan dengan itu, ia kurang mengambil berat mengenai keperluan dan masalah remaja, khususnya dalam menangani penyakit ini.

Sehubungan itu, beliau berharap program Bertindak Terhadap Aids: Golongan Muda Ke Arah Perubahan, yang bermula hari ini dapat menyumbang kepada usaha melahirkan program yang lebih berkesan untuk remaja," katanya.

Dalam sidang akhbar di sini hari ini, beliau berkata program tiga hari itu dianjurkan bersama Program Sukarelawan Aids Universiti Malaya (UMVAids) dan Kelab Sukarelawan Aids Universiti Putra Malaysia (UPVAC) serta ditaja Yayasan Levi Strauss.

Ia diadakan sempena Kongres Antarabangsa Aids Asia dan Pasifik (ICAAP) Kelima di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mulai 23 hingga 27 Oktober depan.

Marina berkata, dunia generasi muda, cara mereka berfikir serta menilai sesuatu perkara jauh berbeza dengan golongan dewasa dan untuk itu, cara untuk menyampaikan maklumat kepada mereka juga perlu berbeza.

"Kita tidak boleh salahkan mereka jika melakukan perbuatan berisiko kerana tanpa maklumat dan pengetahuan yang betul, mereka tidak mampu membuat penilaian dan pilihan yang tepat," katanya.

Program Bertindak Terhadap Aids itu diharap dapat meningkatkan kefahaman remaja mengenai HIV/Aids serta membantu penggubal dasar khususnya, merancang program yang lebih sesuai untuk golongan berkenaan.

Sementara itu, katanya, ICAAP kelima itu juga merangkumi program khusus untuk remaja.

Simposium Satelit bertemakan Pendidikan HIV/Aids - Pandangan Generasi Muda, yang akan diadakan jam 8 malam, 26 Oktober, diharap dapat mengupas dan meningkatkan kefahaman mengenai masalah remaja sekaligus membantu menggubal program yang lebih berkesan untuk golongan berkenaan .

Simposium itu akan dihadiri tujuh panel dari seluruh rantau Asia Pasifik, termasuk dua wakil dari Malaysia iaitu Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, mewakili golongan dewasa dan wakil MAM yang juga wakil UMVAids, Azrul Mohd Khalib, mewakili generasi muda.

Perbincangan itu dijangka lebih menarik dengan kehadiran seorang remaja yang disahkan menghidapi HIV.

Bagi menggalakkan penyertaan remaja, Marina berkata, 100 tempat percuma dikhaskan untuk remaja berusia 25 tahun ke bawah. Mereka yang berminat boleh menghubungi Yante Ismail dari MAM, di nombor 03-4451033 atau faks : 03-4439455.

(END)